



**KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA**

TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN

MENTERI PERTAHANAN

SEMPENA MAJLIS PENGUMUMAN DIVIDEN LTAT 2023

PADA 4 APRIL 2024

PENDAHULUAN

1. Bersyukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT atas kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Pengumuman Dividen LTAT 2023** pada hari ini.
2. Terima kasih kepada pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) atas jemputan untuk saya dan pihak kementerian bersama-sama dalam majlis pada pagi ini.
3. Saya yakin, ini adalah satu majlis ringkas yang sangat dinanti-nantikan oleh semua pihak.
4. Bukan sahaja kerana LTAT merupakan tabung atau dana persaraan utama anggota ATM. Tetapi disebabkan oleh pelbagai perkembangan mutakhir yang sudah pasti mengundang pelbagai reaksi dan pandangan.
5. Namun, alhamdulillah, hari ini kita telah turut berjaya menyelesaikan pelantikan 2 jawatan utama LTAT. Iaitu saudara Mohammad Ashraf bin Md Radzi sebagai Ketua Eksekutif dan Jeneral Bersara Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin (TUDM) sebagai Pengurus Lembaga Pengarah yang baharu.
6. Tahniah kepada kedua-duanya atas pelantikan ini. Saya yakin, dengan dedikasi serta pengalaman luas yang dimiliki oleh kedua-dua individu ini, LTAT akan dapat terus kita pacu agar lebih cemerlang.

MANDAT DAN PRESTASI LTAT

Hadirin dan hadirat,

7. Sebagai sebuah Kumpulan Wang Simpanan bagi angkatan tentera, LTAT memikul mandat yang besar dan kritikal.
8. Ia bukan sahaja menguruskan dana persaraan melalui aktiviti pelaburan yang mampan. Malah, turut diharapkan membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor-sektor penting seperti

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

perladangan, harta tanah, farmaseutikal dan pelbagai lagi, tanpa berkompromi dengan masa depan perajurit negara.

9. Malah, LTAT turut digalaskan dengan peranan memastikan kesejahteraan insan yang holistik dalam memperjuangkan keselamatan sosial dan masa depan keluarga anggota ATM.
10. Jika kita soroti prestasi pada tahun 2023, LTAT telah melalui fasa transformasi yang signifikan bagi melonjakkan semula prestasi dan imejnya.
11. Ini termasuklah, memperkenalkan pelbagai penambahbaikan terhadap pengukuhan tadbir urus, memulihkan dan meningkatkan pulangan pelaburan dan menambah baik mutu perkhidmatan kepada para pencarum.
12. Pada tahun 2023 juga, LTAT berjaya memuktamadkan Pelan Transformasi 2019-2023 yang disusuli dengan pelancaran Pelan Strategik 2023-2025 atau MAMPAN25.
13. Melalui pelan-pelan ini, LTAT memperkemaskan Visi dan Misinya yang disokong oleh 10 sasaran dan 11 strategi.
14. Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah pelancaran Modul Celik Kewangan. Ia adalah satu perkhidmatan nilai tambah yang direka khas untuk para pencarum LTAT dengan memperluas manfaat bagi meningkatkan kesejahteraan sosial selepas tamat perkhidmatan.
15. Paling penting, pelan yang menyeluruh ini turut menzahirkan komitmen LTAT untuk menyediakan dividen yang mampan setiap tahun.
16. Hasil daripada pelaksanaan transformasi ini, LTAT telah mencatatkan peningkatan prestasi bagi setiap indikator utama kewangannya.
17. Kadar dividen LTAT telah mula pulih kepada 5% pada tahun 2022 berbanding kadar yang terendah dalam sejarahnya iaitu 2% pada tahun 2018.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

18. Pendapatan bersih LTAT telah meningkat kepada RM537.80 juta pada tahun 2023 berbanding RM432.47 pada tahun 2022 yang merupakan peningkatan sebanyak 24%.
19. Dan, Keuntungan Terkumpul selepas dividen LTAT juga telah mula berkembang dengan lebih besar kepada RM756.81 juta berbanding RM498.7 juta pada tahun 2022 yang merupakan peningkatan sebanyak 52% dan berbanding hanya RM38.7 juta pada penghujung tahun 2018.
20. Secara ringkasnya, saya boleh katakan, bahawa majlis pengumuman dividen pada hari ini adalah bukti terbaik kejayaan komitmen dan pelaksanaan pelbagai program transformasi yang telah dijalankan.
21. Pengumuman dividen hari ini adalah berdasarkan posisi kewangan LTAT yang kukuh. Keseluruhan gabungan rizab LTAT merekodkan kedudukan kewangan yang sentiasa positif.
22. LTAT juga sentiasa memastikan kadar solvensi bukunya tidak kurang dari 100% ketika mengisytiharkan dividen tahunannya kepada pencarum bagi menjamin keupayaan LTAT untuk melaksanakan obligasi kewangannya pada setiap masa.
23. Malah, kadar dividen yang akan diumumkan sebentar lagi ini, secara asanya menzahirkan perkembangan yang positif buat LTAT kerana ia berjaya untuk memberi kadar dividen yang telah beransur pulih, mampan dan stabil.
24. Jadi, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak LTAT atas kejayaan ini.

HALA TUJU LTAT

25. Sekali pun begitu, saya memberi jaminan bahawa kementerian dan LTAT tidak akan leka dan berasa selesa. Kita tidak berhenti setakat ini.
26. Saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan komitmen Kementerian Pertahanan dalam memacu LTAT untuk menjadi sebuah

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

organisasi yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan menjamin perlindungan sosial warga Angkatan Tentera Malaysia.

27. LTAT komited dalam mengamalkan pengurusan aliran tunai yang berhemat dan teliti bagi memenuhi obligasi pembayaran semula wang simpanan persaraan kepada pencarum LTAT.
28. Selepas ini, pihak Kementerian bersama-sama dengan LTAT akan memfokuskan kepada usaha melaksanakan strategi-strategi yang telah digariskan dalam Pelan MAMPAN25 serta meneroka strategi-strategi baharu, agar LTAT akan lebih cemerlang.
29. Ini termasuklah rancangan menyusun semula model perniagaan dan pegangan saham dalam syarikat-syarikat strategik.
30. Sasaran kita hanya satu. Kita mahu mengoptimumkan prestasi LTAT dengan model perniagaan terbaik tanpa melepaskan kepentingan strategik dalam pelbagai entiti yang berpotensi besar.
31. Segala pelan dan strategi kita akan dilakukan secara cermat, inklusif dan mengambil kira pandangan serta idea pelbagai pemegang taruh.
32. Semua ini disandarkan atas tanggungjawab memastikan kesejahteraan dan kepentingan sosio-ekonomi warga ATM terus terpelihara.
33. Jadi, sekali lagi saya memberi jaminan, kepada semua pihak, khususnya para pencarum LTAT dari kalangan warga ATM, bahawa institusi ini akan dipertahankan, dipelihara dan dipastikan cemerlang dalam menjalankan amanah dan mandatnya dengan jujur dan cemerlang. Insya-Allah.

PENGUMUMAN DIVIDEN

34. Saya harap pengumuman dividen ini akan menjadi satu berita gembira kepada seluruh pencarum-pencarum LTAT.
35. Insya-Allah, atas keberkatan Ramadan yang akan meninggalkan kita tidak lama lagi ini, marilah kita bersama-sama mengambil kesempatan

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

mendoakan agar LTAT berjaya mempamerkan prestasi yang lebih cemerlang pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang.

36. Sebelum berakhir, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua Warga Kementerian yang terlibat, Lembaga Pengarah, Panel Pelaburan, Barisan Pengurusan serta seluruh warga kerja LTAT atas segala usaha dan sumbangan kerja keras selama ini.
37. Dengan lafaz bismillahirrahman nirrahim, saya melancarkan majlis pengumuman dividen LTAT bagi tahun 2023.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.